

Sunnah Rasulullah SAW amalan sepanjang zaman



Sebahagian pelajar Asrama Kasih YBK dan penduduk Serendah yang hadir pada rakaman Panggung Dakwah, Siri Bicara Agung, Menjunjung Karomah Fathonah Rasulullah kelmarin.

SERENDAH – Persoalan masih relevankah sunnah Rasulullah SAW pada zaman ini tidak wajar ditimbulkan kerana jelas Baginda adalah rahmat sekalian alam dan sepanjang zaman.

Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Datuk Zainal Sakom berkata, perihal relevan hanya timbul sekiranya sunnah tidak diterjemahkan secara bijaksana di dalam diri umat Islam.

“Bila sunnah tidak di-terjemah dengan bijaksana dan tidak di transformasi dalam kehidupan maka timbul persoalan itu.

“Tetapi, bagi YBK sunnah

Rasulullah SAW sudah menjadi amalan sekian lama dan terbukti dengan pembinaan Asrama Kasih yang menempatkan anak-anak yatim di sini”, katanya ketika menjadi ahli panel dalam rakaman Panggung Dakwah, Siri Bicara Agung bertajuk Menjunjung Karomah Fathonah Rasulullah di laman Asrama Kasih di sini malam kelmarin.

Ahli panel lain, Tokoh Akademik, Tan Sri Datuk Prof Dr Ibrahim Abu Shah dan Ketua Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Prof Madya Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail serta moderator,

Pengacara TV AlHijrah, Amin Idris.

Rakaman forum itu turut dihadiri Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah YBK, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali, Datuk Mohd Isa Abu Kasim dan Penolong Setiausaha Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datuk Rosni Sohar.

Zainal berkata, sunnah Rasulullah SAW terbahagi kepada dua iaitu sunnah kecil dan sunnah besar dan ter-pulang kepada umat Islam untuk mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Menurutnya, YBK mengamalkan sunnah Rasulullah

SAW yang telah mewujudkan sebuah negara Islam Madinah melalui Piagam Madinah.

Dalam pada itu, menjawab persoalan bagaimana kaedah menghidupkan sunnah Rasulullah, Zainal mengambil contoh kejayaan membina Asrama Kasih Serendah.

Menurutnya, pembinaan Asrama Kasih itu dilakukan setelah mengambil kira kebijaksanaan Rasulullah SAW.

Beliau berkata, usaha pembinaan itu mengambil sunnah Rasulullah di mana Baginda mengangkat ilmu sebagai amalan yang wajib dituntut.